

## Metode Pentafsiran Gender Musdah Mulia

Karimuddin Nasution<sup>1</sup>, Wan Nasyrudin Wan Abdullah<sup>2</sup> & Mohd Faizulamri bin Mohd Saad<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>karimuddin619@gmail.com, <sup>2</sup>tokwedin@ukm.edu.my & <sup>3</sup>faizam@ukm.edu.my

<sup>1</sup>Calon Doktor Falsafah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

<sup>2&3</sup>Pensyarah di Pusat Kelestarian Turath Islami, FPI, UKM

### **Abstrak**

Masdah dikenal sebagai tokoh feminis muslimah Indonesia yang sangat lantang menyuarakan kesetaraan gender. Beliau mendakwa pentafsiran klasik telah menempatkan wanita lebih rendah daripada lelaki kerana dipengaruhi oleh kehidupan sosial yang patriarki, ekonomi dan politik yang berkembang pada ketika itu. Akibatnya, pentafsiran klasik telah dijadikan sebagai rujukan teologi untuk merendahkan kedudukan wanita. Beliau bukan sekadar mengkritik pentafsiran klasik, malah mempertikai metode yang biasa digunakan ulama dalam mentafsirkan al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui dan mengenal pasti metode dan pendekatan tafsir gender Musdah. Dalam menjalankan kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan merujuk bahan-bahan kepustakaan dan berbentuk analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa model pentafsiran Musdah adalah *bi al-ra'yi* (pemikiran), malah boleh dikategorikan dengan tafsir *bi al-ra'yi maznum* (pemikiran tercela). Manakala metode yang digunakan adalah *mawdū'i* (tematik), ini dapat dilihat daripada pentafsiran beliau yang berdasarkan tema-tema. Selain itu, Musdah juga menggunakan beberapa pendekatan pentafsiran, iaitu pendekatan analisis gender, tafsir perspektif wanita, kritik sejarah dan bahasa Arab. Implikasi kajian ini adalah mendedahkan metode tafsir gender yang digunakan Musdah. Pentafsiran yang diasaskan kepada pemikiran semata-mata perlu untuk diwaspadai demi memahami Islam yang sebenar

**Kata Kunci:** *Metode Tafsir, Kesetaraan Gender, Musdah Mulia.*

### Gender Interpretation Method Of Musdah Mulia

### **Abstract**

Masdah is known as the Indonesian moslem feminist who strongly voices gender equality. She claimed that classical interpretations had placed women in the lower position than men as influenced by the patriarchal social system, economic and political life that developed at that time. As a result, classical interpretation has been used as a theological reference to lowering the position of women. She does not just criticize the classical interpretation, but instead disputes the methods commonly used by moslem scholars in interpreting the Qur'an. This study aims to investigate and identify the gender interpretation methods and approaches by Musdah Mulia. This study uses a qualitative method by referring the literature materials and analysing in the document. The findings show that the model of Musdah's interpretation is *bi al-ra'yi* (thinking), and it can even be categorized with the interpretation of *bi al-ra'yi maznum* (despicable thinking). Meanwhile, the method used by Musdah is *mawdū'i* (thematic), which can be seen from her interpretation mostly based on the themes. In addition, Musdah also uses several interpretive approaches, namely gender analysis approaches, women perspective interpretations, historical and Arabic language criticisms. The implication of this study is to expose the gender interpretation method used by Musdah. To understand truly the Islam, the interpretation based on thought alone, as shown by Musdah, needs to be alerted

**Keywords:** *Interpretation Method, Gender Equality, Musdah Mulia.*

### **1. Pengenalan**

Masdah lahir pada 3 March 1958 di Bone, Sulawesi Selatan, sebuah negeri di bahagian timur Indonesia. Beliau dikenal sebagai aktivis gender di Indonesia, hal ini dapat dilihat dari pelbagai karya-karyanya dan juga aktiviti-aktiviti yang dilakukannya. Selain daripada itu beliau juga dikenal sebagai seorang pejuang Hak Asasi Manusia (HAM), sehingga pada tahun 2008 mendapat penghargaan dari Yap Thiam Hien Human Rights Award sebagai pejuang Hak Asasi Manusia (HAM). Pada tahun 2009 mendapat penghargaan dari Pelangi Tribute to Women sebagai 10 Most Outstanding Women. Pada tahun 2009 juga beliau mendapat penghargaan sebagai *Women of The Year* dari pemerintah Consiglio Regionale Della Valle D'AOSTA, Italy. Tahun 2012 beliau mendapat

penghargaan dari Nabil Award sebagai *Nation Builder*, kerana usahanya dalam memperjuangkan kesetaraan gender dan kemajemukan di Indonesia. Pada tahun 2013 sebagai ilmuwan sosial yang melahirkan karya-karya berpengaruh dalam bidang ilmu sosial di Indonesia dari HIIPIIS (Himpunan Indonesia Untuk Ilmu-Ilmu Sosial), dan penghargaan The Ambassador of Global Harmony 2014 dari The Anand Ashram Foundation sebagai tokoh yang gigih memperjuangkan pluralisme dan hak kebebasan beragama di Indonesia (Jennah 2014).

Dalam memperjuangkan kesetaraan gender, Musdah melakukan pentafsiran baharu terhadap ayat-ayat yang berkaitan dengan hubungan lelaki dan wanita. Oleh kerana pentafsiran klasik telah menempatkan wanita lebih rendah daripada lelaki. Hal ini kerana disebabkan pentafsir-pentafsir klasik dipengaruhi oleh budaya patriarki, pentafsir didominasi ulama lelaki, dan menggunakan metode yang tidak mendukung kesetaraan gender. Pada pandangan beliau, al-Quran tidak membezakan lelaki dan wanita melainkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Islam datang untuk menegakkan keadilan dan menghapuskan segala bentuk diskriminasi. Oleh yang demikian, jika terdapat pentafsiran yang tidak selari dengan tujuan utama Islam, maka mesti ditafsirkan semula supaya sesuai dengan tujuan utama agama Islam (Musdah 2014).

Hasil pentafsiran beliau banyak bercanggah dengan pentafsiran-pentafsiran ulama. Misalnya tentang hukum waris, perkahwinan dan kepimpinan wanita. Beliau tidak bersetuju dengan pembahagian harta pusaka yang menempatkan anak lelaki mendapat bahagian lebih daripada anak wanita, kerana dinilai tidak adil. Dalam perkahwinan pula misalnya beliau berpendapat, anak wanita yang sudah berumur 21 tahun, tidak perlu lagi ada wali kerana dinilai sudah matang dan dapat mengambil keputusan sendiri untuk dirinya. Manakala dalam isu kepimpinan pula, Musdah menyatakan tidak ada satu dalil agama yang mlarang wanita menjadi pemimpin. Surah al-Nisa' 4: 34 yang sering dijadikan dalil bahawa lelaki sebagai pemimpin bagi wanita, memahaminya harus dikaitkan dengan konteks turunnya. Menurut beliau, ayat tersebut turun berbicara tentang kekerasan rumah tangga (*domestic violence*) yang sering terjadi dalam masyarakat Arab. Bahkan dalam keluarga sekalipun menurut beliau, kepimpinan keluarga bukan hak semata-mata lelaki atau suami. Oleh kerana kata *al-rijal* (lelaki) yang terdapat dalam surah al-Nisa' 4: 34 adalah bermakna lelaki dengan pengertian gender, bukan dari sisi seks atau biologi. Beliau menyimpulkan, tidak setiap lelaki berhak menjadi pemimpin bagi wanita atau isteri, hanya lelaki atau suami yang memenuhi syarat sahaja yang berhak menjadi pemimpin kepada isterinya. Jika suami tidak memenuhi syarat, maka posisi sebagai pemimpin dalam rumah tangga boleh pindah kepada wanita atau isteri (Musdah 2004).

Menurut Baidowi (2005) gerakan pembaharuan tafsir daripada golongan feminis seperti Musdah, kerana ada rasa ketidakpuasan terhadap pentafsiran-pentafsiran ulama klasik mahupun kontemporari kerana wujud elemen bias gender. Hal ini menyebabkan berlakunya ketidakadilan terhadap wanita dalam menghuraikan suatu pentafsiran. Van Doorn-Harder (2008) menyatakan bahawa golongan feminis tidak menyerang dan menolak ajaran Islam, mereka hanya mentafsirkan semula ayat-ayat al-Quran yang lebih humanis. Dengan demikian mereka cuba meluruskan yang telah diselewengkan kaum lelaki lebih daripada seribu tahun. Manakala Mustaqim (2008) menyebutkan para pentafsir feminis sebenarnya hanya ingin membuat pemahaman al-Quran secara kontekstual, dengan menangkap semangat idea yang ada di sebalik teks yang literal. Mereka tidak mengubah, apatah lagi menolak, melainkan hanya ingin mengembangkan pentafsiran al-Quran. menurut beliau, menolak pentafsiran tidak sama dengan menolak al-Quran. Dengan anggapan-anggapan seperti ini lah Musdah membuat pentafsiran baharu dengan mewujudkan tafsir yang mesra gender dalam pandangan feminis.

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode kualitatif dengan merujuk bahan-bahan kepustakaan sahaja, yang terdiri daripada karya-karya Musdah dan karya-karya lain yang berkaitan dengannya. Selain itu kajian ini menjalankan analisis dokumen dan disertai kritikan atas metode tafsir yang dilakukan Musdah. Ini dilakukan demi mengetahui hakikat metode tafsir Musdah dan impaknya terhadap kajian tafsir.

## 2. Hasil Kajian

Tafsir gender merupakan istilah yang asing dalam ilmu tafsir dan al-Quran. Ia tidak dikenal pada zaman dahulu sehingga golongan feminis memperkenalkannya. Menurut Zaitunah (2015) penggabungan kata gender dengan tafsir menunjukkan bahawa yang dimaksudkan tafsir gender ialah pentafsiran yang khusus menghuraikan ayat-ayat al-Quran berkenaan dengan hubungan gender lelaki dan wanita. Pentafsiran semacam ini muncul kerana ada ketidakpuasan hati golongan feminis terhadap tafsir ulama-ulama klasik dan kontemporari ekoran wujudnya elemen bias gender dalam pentafsiran agama. Bias gender itu dianggap menyebabkan berlakunya ketidakadilan terhadap wanita dalam pentafsiran (Baidowi 2005).

Secara umum model pentafsiran al-Quran terbahagi kepada dua bentuk, iaitu tafsir *bi al-ma'thiir* dan

tafsir *bi al-ra'yi*. Menurut al-Zahabi (2000) tafsir *bi al-ma'thûr* adalah penjelasan terhadap ayat-ayat al-Quran oleh sebahagian ayat-ayat al-Quran yang lain, hadith Nabi SAW, perkataan sahabat dan perkataan tabi'in. Manakala tafsir *bi al-ra'yi* adalah pentafsiran al-Quran berdasarkan ijtihad setelah seseorang pentafsir itu mengetahui bahasa Arab dan kecenderungan mereka dalam bercakap, mengetahui lafaz-lafaz Arab dan bentuk-bentuk *dilalahnya*, mengatahui syair jahiliyah, mengetahui *asbab nuzul*, *nasikh mansukh* dan setelah mengetahui semua ilmu-ilmu yang diperlukan oleh seorang pentafsir. Dalam perkembangannya al-Khalidi (2002) menyebutkan tafsir *bi al-ra'yi* terbahagi dua, iaitu *Mahmud* (terpuji) dan *mazmum* (tercela). Tafsir *bi al-ra'yi mahmud* (terpuji) adalah pentafsiran al-Quran berdasarkan ijtihad selepas memenuhi asas-asas dan syarat-syarat yang dituntut dalam suatu pentafsiran seperti yang disebutkan al-Zahabi di atas. Manakala tafsir *bi al-ra'yi mazmum* (tercela) adalah pentafsiran al-Quran berdasarkan ijtihad yang diasaskan semata-mata kepada hawa nafsu dan kejahilan.

Pentafsiran dilihat dari sisi metode, ada empat macam metode yang biasa dikemukakan ulama. Al-Farmawi (1977) menyebutkan metode pentafsiran al-Quran dibahagi kepada empat, iaitu metod *ijmâli* (ringkas), *tahlili* (analisis), *muqâran* (perbandingan) dan *mawdû'i* (tematik). Pentafsiran *ijmâli* metode yang pertama kali muncul sejak zaman Nabi SAW dan sahabat, iaitu pentafsiran yang ringkas tanpa ada perincian secara mendalam. Pentafsiran *tahlili* (analisis) sama ada dalam bentuk *bi al-ma'thûr* atau *bi al-ra'yi* adalah metode pentafsiran yang menjelaskan al-Quran daripada pelbagai aspek dan meluas. Pentafsiran *tahlili* (analisis) muncul selepas zaman Nabi SAW dan sahabat. Pentafsiran *muqâran* adalah metode tasfir membandingkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai kemiripan dalam dua kes atau lebih. Bahkan menurut Baidan (2002) metode *muqâran* mempunyai cakupan yang sangat luas, tidak hanya terhad membandingkan ayat dengan ayat sahaja, tetapi membandingkan ayat dengan hadith yang secara zahirnya bercanggah dan membandingkan pendapat ulama tafsir dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Jadi ada tiga aspek yang dibahas dalam tafsir *muqâran*. Pertama, perbandingan ayat dengan ayat. Kedua, perbandingan ayat dengan hadith. Manakala yang ketiga, perbandingan pelbagai pendapat ulama tafsir. Pentafsiran *mawdû'i* adalah metode pentafsiran ayat-ayat al-Quran berdasarkan tema tertentu, seperti tema *al-mar'ah fi al-Quran* (Yuhanar Ilyas 2006).

Merujuk kepada penjelasan di atas, maka pentafsiran Musdah dapat dikategorikan sebagai tafsir *bi al-ra'yi*, kerana beliau mentafsikan al-Quran lebih berdasarkan ijtihad. Bahkan boleh juga dikategorikan sebagai tafsir *bi al-ra'yi mazmum* (tercela). Ini kerana pentafsiran beliau tidak memenuhi syarat pentafsiran *bi al-ra'yi mahmud* (terpuji) seperti yang disebutkan di atas. Jika dilihat dari sisi metode pentafsiran, maka pentafsiran Musdah termasuk kategori metode *mawdû'i* (tematik). Ini kerana beliau mentafsirkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan suatu tema tertentu. Misalnya beliau mentafsirkan surah al-Nisa' 4: 1, dengan tema penciptaan manusia dan al-Nisa' 4: 34, dengan tema kepimpinan wanita dalam Islam. Manakala dari sisi corak pentafsiran, maka pentafsiran Musdah bercorak feminis. Ini kerana pentafsiran beliau mempunyai matlamat untuk menyentarkan lelaki dan wanita dalam semua aspek. Pada masa yang sama beliau mengkritik keras semua bentuk pentafsiran yang menjelaskan perbezaan kedudukan antara lelaki dan wanita.

Selain daripada bentuk pentafsiran, metode pentafsiran dan corak pentafsiran, juga ditemukan beberapa pendekatan yang guna pakai Musdah dalam menghuraikan pentafsirannya. Ini bagi mencapai matlamat pentafsiran yang beliau inginkan, iaitu wujudnya kesetaraan gender lelaki dan wanita dalam pentafsiran al-Quran. Pendekatan tafsir yang digunakan Musdah adalah pendekatan tafsir dengan analisis gender, pendekatan tafsir perspektif wanita, pendekatan kritik sejarah dan pendekatan kritik bahasa Arab. Satu persatu daripada pendekatan tafsir Musdah dijelaskan di bawah ini:

### 2.1 Pendekatan Analisis Gender

Dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran Musdah menggunakan pendekatan analisis gender dalam semua pentafsiran beliau. Menurut Fakih (1997) analisis gender adalah sebuah alat analisis untuk memahami realiti sosial. Tugas utama analisis gender ialah memberi makna, konsep, asumsi, ideologi dan praktik hubungan baru antara lelaki dan wanita serta implikasinya terhadap kehidupan sosial yang lebih luas (sosial, ekonomi, politik dan budaya), yang tidak dilihat oleh teori analisis sosial lainnya. Analisis gender memperhatikan pelbagai peranan wanita, lelaki, kanak-kanak lelaki dan wanita dalam keluarga, masyarakat dalam struktur ekonomi, undang-undang dan politik. Menurut Jean Davinson (2001) analisis gender merujuk kepada suatu kajian sistematis terhadap perbezaan antara wanita dan lelaki dalam masyarakat tertentu.

Analisis gender diaplikasikan Musdah dalam semua pentafsirannya bagi melihat ketimpangan gender dalam pentafsiran klasik, kemudian beliau mendatangkan suatu pentafsiran dengan konsep kesetaraan gender

lelaki dengan wanita. Analisis gender dalam pentafsiran Musdah terlebih dahulu membezakan antara seks dan gender. Seks didefinisikan sebagai perbezaan antara lelaki dan wanita yang diasaskan kepada ciri-ciri biologi. Manakala gender didefinisikan sebagai perbezaan lelaki dan wanita dari sisi sosial seperti wanita digambarkan lemah lembut, emosional atau keibuan, sementara lelaki dianggap kuat, rasional dan perkasa (Fakih 1997). Di sisi lain seks juga disebut sebagai pemberian daripada Allah SWT, sedangkan gender merupakan konstruk sosial budaya.

Menurut Musdah (2011) ketimpangan gender yang biasa berlaku dalam masyarakat ada empat bentuk:

1. Pemberian beban ganda kepada wanita (*double burden*) khususnya bagi mereka yang berkerja. Selain dituntut untuk menyelesaikan kerja di tempat bekerja mereka juga dituntut supaya mengerjakan pekerjaan rumah.
2. Kekerasan (*violence*) sama ada di ruang publik atau di ruang domestik.
3. Subordinasi (*subordination*), iaitu anggapan bahawa wanita tidak penting melainkan sekadar pelengkap kepada lelaki.
4. Pelabelan buruk (*stereotype*) yang ditujukan kepada wanita. Misalnya wanita sering disebut sebagai makhluk pengoda.

Menurut Musdah (2014) ketimpangan gender yang berlaku kepada wanita seperti yang disebutkan di atas mempunyai asas teologi daripada pentafsiran-pentafsiran klasik yang bias gender. Oleh itu beliau mengkritik dan membuat pentafsiran baharu dengan menggunakan pisau analisis gender yang mengandungi nilai-nilai keadilan (*al-‘adl*), kemaslahatan (*al-maslalah*), kebijaksaan (*al-hikmah*), kesetaraan (*al-musawah*), kasih sayang (*al-rahmah*), pluralsime (*al-ta‘addudiyah*), dan hak asasi manusia (*huquq al-insaniyah*). Atas dasar ini lah semua bentuk pentafsiran yang memberikan hak lebih kepada lelaki seperti dalam hal pembahagian harta pusaka dan kepimpinan ditentang Musdah dan melakukan pentafsiran baharu yang menyatakan kesamarataan hak lelaki dan wanita, kerana konsep adil dan sama rata menurut beliau mesti 50:50 (*fifty-fifty*).

## 2.2 Pendekatan Tafsir Perspektif Wanita

Pentafsiran dengan perspektif wanita dipercayai sebagai metode alternatif untuk menghilangkan diskriminasi yang disebabkan oleh pentafsiran agama. Semakin banyak usaha menampilkan perspektif wanita dalam pentafsiran maka diharapkan keadilan dan kesetaraan gender dapat dicapai. Musdah (2005) menyatakan fakta sejarah menunjukkan bahawa pentafsiran al-Quran dikuasai oleh lelaki sejak dahulu. Impaknya pengalaman wanita telah diabaikan dalam pentafsiran agama. Menurut beliau, pemunggiran pengalaman wanita dalam pentafsiran dilakukan dengan cara melarang mereka aktif di ruang awam, sehingga wanita tidak dapat ikut serta dalam pentafsiran agama. di sisi lain, beliau menyebut, adanya pentafsiran yang bias gender adalah kerana pentafsiran didominasi lelaki. Oleh itu, subjektiviti lelaki menjadi sangat dominan dalam karya-karya klasik. Beliau menyatakan, wanita pada zaman moden ini wanita telah terbukti mempunyai keilmuan yang tidak kalah dengan lelaki. Anggapan masyarakat bahawa autoriti agama hanya ada pada lelaki mesti didobrak, kerana pengetahuan ilmu agama wanita zaman sekarang sudah tidak kalah dengan lelaki.

Pentafsiran dengan pendekatan perspektif wanita sebenarnya telah diamalkan tokoh feminis lainnya, seperti Amina Wadud dan Riffat Hasan. Mereka menyatakan bahawa karya tafsir tradisional semua ditulis oleh lelaki dan pengalaman lelaki dilibatkan dalam pentafsiran mereka. Manakala wanita dan pengalaman mereka ditiadakan atau ditafsirkan sesuai dengan perspektif, kehendak atau keperluan lelaki. Bagi golongan feminis mufassir lelaki menjadi masalah dalam memahami al-Quran.

Pandangan negatif Musdah terhadap mufassir lelaki sama sekali tidak berasas. Malah dikesan, pentafsiran perspektif wanita yang diamalkan Musdah bahagian daripada teologi feminis yang ingin merebut kuasa dan hak yang dimiliki lelaki (Megawangi 1999). Fahaman ini juga ekoran tradisi masyarakat sosialis yang menilai perbezaan jantina sebagai cara untuk menghilangkan kelas sosial (Muslim 2007). Dengan demikian penolakan Musdah terhadap pentafsiran lelaki dan melakukan pentafsiran berdasarkan pengalaman wanita lebih berdasarkan kerana jenis jantina, bukan kerana kualiti iman dan ilmu.

Sejak dahulu sudah ada tradisi kritik dalam ilmu tafsir untuk menjaga kualiti pentafsiran daripada orang-orang yang ingin melakukan pemesongan dalam tafsir. Selain itu ada juga syarat yang ketat bagi seorang pentafsir yang mencakupi tiga komponen penting, iaitu syarat keilmuan, syarat *‘aqliyah* dan syarat *diniyyah adabiyah*. Dalam bidang keilmuan misalnya al-Khalidi (2002) menyebutkan seseorang yang hendak mentafsirkan al-Quran wajib menguasai lima belas macam ilmu, iaitu ilmu al-Quran, Sunnah, sejarah

kehidupan sahabat, sejarah al-Quran, kaedah-kaedah tafsir al-Quran, bahasa Arab, Nahu Sorof, Balagah, Qira'at, akidah, usul fiqh, sejarah Arab jahiliyah, sejarah umat terdahulu, mazhab pemikiran yang berbeza-beza dan peradaban semasa. Dalam syarat *aqliyyah*, seroang pentafsir mesti mempunyai kemampuan akal yang cerdik, pandai dalam memahami dalil dan faham bagaimana cara mengeluarkan hukum (*istimbah*). Malah, harus mampu memilih yang paling kuat daripada dalil yang bertentangan, mengetahui perbezaan pendapat dengan benar sehingga tidak terjadi percanggahan (Ibn Lutfi 1990). Manakala syarat *diniyah adabiyah* pula, seorang pentafsir mesti berakidah yang benar, melakukan kewajipan-kewajipan agama, baik adab dan akhlaknya, bebas daripada kungkungan hawa nafsu, serta takut kepada Allah SWT. Ditambah pula tidak boleh terlibat dalam amalan bid'ah, sompong, cinta dunia atau ada kecenderungan hatinya kepada maksiat (Hasan Ayyub 2007).

Jika diteliti lebih dalam, sebenarnya penolakan Musdah terhadap dominasi lelaki dalam pentafsiran al-Quran bukan kerana mereka lelaki, akan tetapi kerana tidak sesuai dengan agenda golongan feminis yang menginginkan kesetaraan. Ini dapat dibuktikan bahawa Musdah sendiri mengambil pendapat mufassir lelaki seperti Muhammad Abdur, Rasyid Ridha dan feminis lelaki lainnya seperti Rifat Hasan, Husein Muhammad dan Asghar Ali Engineer. Dakwaan bahawa pentafsiran lelaki tidak mengambil kira pengalaman wanita hanya sebagai alasan untuk menolak pentafsiran, khususnya tafsiran ulama klasik.

### 2.3 Pendekatan Kritik Sejarah

Dalam *Encyclopedias Britannica* (1994-2001) Pendekatan kritik sejarah (*historical criticism*) didefinisikan sebagai kritik sastera yang berasaskan kepada bukti sejarah atau berasaskan kepada sebuah konteks di mana sebuah karya di tulis, termasuk fakta-fakta tentang kehidupan pengarang, serta kondisi sosial pada saat itu (Shalahuddin & Mohd Fauzi 2015). Pendekatan kritik sejarah dalam pentafsiran feminis bertujuan untuk membuat pentafsiran semula terhadap ayat-ayat yang dipandang merendahkan wanita (*misogyny*) dan menolak segala bentuk diskriminasi kepada wanita dalam pentafsiran. Dengan demikian, pendekatan kritik sejarah merupakan kajian kritis terhadap dalil-dalil bagi mendapatkan pentafsiran baharu yang selari dengan kondisi masyarakat moden yang mesra dengan wanita.

Masdah (2014) menyatakan sangat penting membuat pendekatan kritik sejarah kerana al-Quran yang diturun Allah SWT tidak hampa budaya. Oleh itu, beliau menyebut al-Quran mengandungi dimensi ketuhanan dan budaya. Umat Islam hendaknya menyedari bahawa al-Quran adalah teks yang harus dibaca dengan memahami sejarah dan politik di mana al-Quran diturunkan. Beliau menyatakan bahawa sesebuah pentafsiran agama sangat dipengaruhi oleh pelbagai aspek, seperti aspek sejarah, politik, budaya dan ideologi. Oleh yang demikian hukum Islam yang dihasilkan melalui pentafsiran adalah produk pemikiran ulama dan lingkungan sosialnya.

Pendekatan tafsir kritik sejarah sesungguhnya bukan hal baru dalam kalangan feminis. Tokoh-tokoh pendukung feminis muslim lainnya juga seperti Abu Zayd dan Nasaruddin Umar telah menyuarakan hal yang sama. Kritik sejarah (*historical criticism*) bukan sahaja mereka gunakan dalam pentafsiran ayat-ayat yang mereka pandang merendahkan wanita (*misogyny*), bahkan juga terhadap hadith-hadith Nabi SAW yang secara tekstual memberikan keutamaan kepada lelaki.

Pendekatan kritik sejarah yang digunakan Musdah, sebenarnya tidak berbeza dengan yang dikembangkan sarjana-sarjana Barat. Wilhem Dilthey misalnya menyebut kritik sejarah ini dengan istilah *historical consciousness* (kesedaran sejarah), iaitu metode hermeneutik yang mementingkan kesedaran relatifnya semua kenyataan dan fenomena sejarah yang membawa pentafsir menjadi kritis terhadap diri dan keadaan, serta usaha bagi mencapai pengetahuan objektif (Shalahuddin 2007). Sebelum pendekatan ini diguna pakai golongan feminis sebenarnya sudah terlebih dahulu ada dalam agama Kristian, yang dikenal dengan istilah *Biblical criticism* (kritik Bible).

Tujuan penggunaan kritik sejarah yang digunakan golongan feminis seperti Musdah dalam pentafsiran al-Quran, memiliki kesamaan dengan tujuan kritik sejarah yang digunakan dalam tradisi Kristian. Michael Keene (2006) menyatakan ada lima tujuan yang hendak dicapai dengan penggunaan kritik sejarah terhadap teks-teks Bible yang menimbulkan diskriminasi wanita. Pertama, untuk mengetahui lebih jauh tentang status wanita dalam budaya Bible. Kedua, untuk Mencari gambaran yang lengkap dan seimbang tentang pengajaran aktual Bible, khususnya dalam isu-isu gender. Ketiga, untuk membuat tafsir alternatif ke atas teks-teks Bible yang menindas wanita. Keempat, untuk mengembangkan imej Tuhan yang lebih lengkap dalam Bible dengan menyertakan gambar-gambar feminis, seperti gambar seorang wanita dan ibu ke dalam konsep ketuhanan. Manakala yang kelima, untuk membuat terjemahan yang baru Bible bagi mengurangi bahasa eksklusif gender

dalam teks (Shalahuddin 2007).

Dari penjelasan di atas dapat difahami bahawa pendekatan kritik sejarah yang digunakan Musdah dalam mentafsirkan al-Quran adalah perpanjangan daripada metode kritik Bible yang sudah lebih awal digunakan orang Kristian. Ini tentu sahaja tidak sesuai digunakan untuk mentafsir al-Quran, kerana al-Quran berbeza dengan Bible. Jika metode feminis digunakan dalam mentafsirkan al-Quran tanpa memperhatikan karakteristik agama tersebut, maka akan timbul “agama” baru yang disesuaikan dengan ideologi feminis. Pendekatan tafsir sarjana Islam sentiasa merujuk dan selari dengan ruh wahyu, tanpa mengesampingkan peranan akal. Pentafsiran al-Quran tidak diasaskan kepada pertimbangan jenis jantina mahupun relativiti konteks sejarah. Kepelbagaiannya pentafsiran lebih bersifat variatif, bukan kontradiktif. Dari pendekatan tafsir kritikan sejarah, Musdah telah menundukkan teks terhadap konteks semasa.

#### *2.4 Pendekatan Kritik Bahasa Arab*

Golongan feminis biasa menggunakan kritik bahasa Arab dalam mentafsirkan al-Quran. Menurut mereka salah satu penyebab berlakunya bias gender dalam pentafsiran kerana adanya bias dalam bahasa Arab. Nasaruddin (1999) menyatakan, bahasa Arab yang dipinjam Tuhan dalam menyampaikan ideanya sejak awal mengalami bias gender, sama ada dalam kosa kata (*mufradat*) mahupun dalam strukturnya. Antara bentuk bias gender dalam bahasa Arab ialah apabila objek yang diperintahkan lelaki dan wanita maka hanya menggunakan bentuk *muzakkars* (*maskulin*). Nurjannah (2003) pula menyatakan antara bentuk bias gender dalam bahasa Arab adanya kosa kata yang tidak mempunyai bentuk *muzakkars* (*maskulin*) seperti kata *imam* atau bentuk *mu'annath* (*feminism*) yang diterjemah untuk *muzakkars* (*maskulin*) seperti kata *khalifah*.

Musdah (2004) mengkritik pentafsiran bahasa al-Quran yang dilakukan ulama klasik, kerana menurut beliau terlalu tekstual dalam memahami ayat. Impaknya, pentafsiran tekstual sering dijadikan sebagai asas teologi keharusan melakukan keganasan terhadap wanita atau mendiskriminasikan mereka. Misalnya ketika beliau mentafsirkan surah al-Nisa' 4: 34. Pada awal ayat tersebut ada kata *al-rijal* yang mana dalam terjemahan al-Quran dan kitab-kitab tafsir biasa diertikan dengan lelaki. Menurut beliau kata *al-rijal* tidak bermakna lelaki dari sisi biologi, tetapi lelaki dalam konotasi budaya. Hal ini menurut beliau sama dengan kata *al-nisa'* yang diertikan dengan wanita dari sisi budaya, bukan biologi. Untuk menyebutkan lelaki dan wanita dari sisi biologi, menurut beliau al-Quran menggunakan kata *al-zakar* dan *al-untha*. Dengan demikian beliau menyimpulkan bahawa tidak semua *al-zakar* adalah *al-rajul* atau *al-rijal*, dan tidak semua *al-untha* adalah *al-mar'ah* atau *al-nisa'*. Hanya lelaki yang mempunyai kualifikasi budaya tertentu sahaja, seperti dewasa, berfikir matang, dan mempunyai sifat-sifat kejantanan (*masculinity*) yang boleh disebut *al-rajul* atau *al-rijal*. Oleh itu, wanita yang mempunyai sifat kejantanan disebut dengan *al-rajulah*. Atas dasar kritik bahasa ini, Musdah berkesimpulan bahawa tidak semua lelaki boleh menjadi pemimpin kepada wanita atau isteri dalam rumah tangga. Sebab syarat menjadi pemimpin berdasarkan kata *al-rijal* bukan jantina lelaki, tetapi kualifikasi budaya tertentu terhadap lelaki.

Berkaitan dengan kritik Musdah terhadap makna kata *al-rijal* yang terdapat dalam surah al-Nisa' 4: 34 sekadar berkonotasi lelaki yang ditentukan oleh budaya atau sekadar lelaki dengan pengertian peranan gender, dan menafikan maksud jantina lelaki dinilai melampau dan telah menafikan kepelbagaiannya makna kata. Ibn Manzur (1979) menyebutkan dalam kamus *Lisan al-'Arab* kata *rajala* mempunyai pelbagai makna:

1. Bererti manusia berjantina lelaki yang lawan katanya *al-mar'ah* yang bererti wanita.
2. Bererti lelaki yang sudah dewasa ditandai dengan bermimpi.
3. Jantina lelaki sejak dilahirkan sehingga dewasa.
4. Bererti lelaki yang tahu agama, berdasarkan QS. al-Baqarah ayat 282.
5. Mengandungi makna jantina wanita apabila dibuat dalam bentuk *muthanna*.
6. Bererti wanita yang bersifat seperti lelaki (*tarajjalat* atau *mutarajjalat*).
7. Bererti sifat tegas dan sempurna (*al-shiddah wa al-kamal*).
8. Kadang-kadang bererti pejalan kaki (*rajil*).

Setidaknya ada lapan makna yang berbeza dari akar kata *rajala*, seperti mana dijelaskan Ibn Manzur di atas. Pemaknaan kata itu mestinya disesuaikan dengan konteks dalam ayatnya. Pemaknaan Musdah terhadap kata *al-rijal* yang terdapat dalam surah al-Nisa' 4: 34 sebagai lelaki yang lulus kualifikasi budaya tertentu adalah tidak tepat dan jauh daripada kebenaran. Sebagai perbandingan, jika kata *al-rijal* diertikan dengan lelaki yang mempunyai kualifikasi budaya tertentu sahaja, seperti dewasa, berfikir matang, dan mempunyai sifat-sifat

kejantanan (*masculinity*), maka tidak tepat jika digunakan terhadap ayat yang lain. Misalnya, dalam al-Quran surah al-<sup>c</sup>Araf ayat 7: 81, yang berbunyi *innakum latu'tuna al-rijal shahwatan minduni al-nisa' innakum qawmun musrifun* (sesungguhnya kamu benar-benar mendatangi lelaki dengan penuh syahwat selain daripada wanita, sesungguhnya kamu kaum yang melampaui batas). Surah al-Nisa' 4: 34 dan surah al-<sup>c</sup>Araf ayat 7: 81 sama-sama menggunakan kata *al-rijal*.

### 3. Kesimpulan

Musdah dikenal dengan seorang tokoh pejuang gender di Indonesia. Usahanya dalam memperjuangkan kesetaraan gender telah mendapat penghargaan dari pelbagai pihak. Menurut beliau tiada perbezaan lelaki dan wanita selain daripada taqwa. Di sisi lain, beliau telah menuduh pentafsiran klasik sebagai sumber bias gender dalam masyarakat Islam. Oleh itu, beliau telah melakukan pembaharuan pentafsiran dengan menempatkan lelaki dan perempuan setara. Walau bagaimanapun, pentafsiran beliau dalam isu gender telah menggunakan metode yang tidak dikenal dalam ilmu tafsir al-Quran. Setelah dikaji secara mendalam, maka pendekatan pentafsiran yang digunakan Musdah sebenarnya metode golongan feminis Kristian dalam mengkaji Bible. Dalam memahami ayat pula dapat dikesan beliau terlalu memaksakan makna suatu ayat demi mencapai matlamat yang dituju. Kesetaraan gender menjadi tujuan utama beliau dalam setiap pentafsiran. Makna ayat yang sudah jelas sering diabaikan demi mencapai matlamat yang diinginkan. Padahal, pentafsiran mestinya berbentuk huraian terhadap makna-makna ayat, tanpa memaksakan makna ayat.

### RUJUKAN

- Abdul Mustaqim. 2008. *Paradigma Tafsir Feminis: Membaca al-Quran dengan Optik Wanita*. Yogyakarta: Logung Pustaka
- Ahmad Baidowi. 2005. *Tafsir Feminis*. Yogyakarta: Penerbit Nuansa
- al-Farmāwi<sup>c</sup> Abd al-Ḥayy. 1977. *al-Bidāyah fi Tafsīr Maudū'i*. Kairo: al-Hadrat a-Gharbiyyah.
- Hasan Ayyub. 2007. *al-Hadīth fi 'Ulūm al-Qurān wa al-Hadīth*. Kairo: Dār al- Salām
- Henri Shalahuddin. 2007. *Al-Quran Dihujat*. Jakarta: al-Qalam
- Ibn Manzūr. 1979. *Lisān al-<sup>c</sup>Arab*. Beirut: Dār Sādir
- Jean Davinson. 2001. *The Uncertain Promise of Southern Africa*. Indiana: Indiana University Press
- Mansur Fakih. 1997. *Analisis Gender dan Transformasi Sosial*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar
- Michael Keene. 2006. *Alkitab: Sejarah, Proses Terbentuk dan Pengaruhnya*. Yogyakarta: Kanisius
- Mohammad Muslim. 2007. *Bangunan Wacana Gender*. Ponorogo: CIOS ISID
- Muhammad Husein al-Ζahabī . 2000. *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*. Kairo: Maktabah Wahbah
- Musdah & Nelly Van Doorn-Harder. 2008. *Menimbang Tafsir Wanita Terhadap al-Quran*. terj. Josien Folbert. Yogyakarta: Pustaka Percik.
- Musdah Mulia. 2012. *Wanita Untuk Pencerahan Dan Kesetaraan Dalam Perkawinan Dan Keluarga*. Jakarta: Yayasan Jurnal Wanita
- Musdah Mulia. 2004. *Islam Menggugat Poligami*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Musdah Mulia. 2005. *Muslimah Reformis*. Bandung: Pustaka Mizan.
- Musdah Mulia. 2011. *Muslimah Sejati*. Bandung: Penerbit Marja.
- Nasaruddin Umar. 1999. *Perspektif Gender Dalam Al-Quran*. Jakarta: Paramadina.
- Nurjannah Ismail (2003. *Wanita dalam Pasungan: Bias Laki-Laki dalam Pentafsiran*. Yogyakarta: Lkis
- Ratna Megawangi (1999. *Membiaran Berbeda? Sudut Pandang Baru Relasi Gender*. Bandung: Mizan
- Shalahuddin & Mohd Fauzi bin Hamat. 2015. *Analisis Kritis Terhadap Metode Kritis Sejarah Berbasis Gender dalam Studi Islam di UIN Sunan Kalijaga*. Jurnal Al-Ta'dib. Vol. 10. No: 2
- Sofatul Jennah. 2014. *Studi Pemikiran Musdah Mulia Tentang Wanita Sebagai Pemimpin Politik*. Surabaya: Fakulti Adab dan Humaniora UIN
- Van Doorn-Harder. 2008. *Menimbang Tafsir Wanita Terhadap al-Quran*. (terj) Josien Folbert. Yogyakarta:

- Pustaka Pelajar.
- Yuhanar Ilyas. 2006. *Kesetaraan Gender Dalam Al-Quran: Studi Pemikiran Para Mufassir*. Yogyakarta: Labda Press